

▼10/01/12-54MST

U GB 10-01 00154 BA880

bah

KAJIAN BAIKI SISTEM PENGANGKUTAN BAS DI KL

Mahathir - Bas

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Syarikat-syarikat bas yang beroperasi di bandaraya Kuala Lumpur mungkin diminta supaya bergabung sebagai satu langkah untuk mengatasi kesesakan lalulintas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Selain daripada penyusunan semula syarikat-syarikat bas, Perdana Menteri berkata langkah lain yang sedang dikaji secara serius oleh kerajaan ialah mengubah laluan bas-bas berkenaan.

+Kita dapati terlalu banyak syarikat bas di Kuala Lumpur dan beroperasi mengikut pelan lama,+ katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata terdapat sehingga lapan atau 10 syarikat bas di Kuala Lumpur dan ada di antaranya beroperasi bagi laluan yang sama.

+Semua ini mengelirukan dan menyebabkan kesesakan,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas mengenai Pembangunan Kuala Lumpur. -- Lagi.

▼10/01/12-57MST

U GB 10-01 00133 BH143

BAH

Mahathir - Bas 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem pengangkutan bas di Kuala Lumpur berbeza dengan bandar-bandar maju lain kerana bas-bas membawa penumpang ke tengah-tengah bandar hingga menyebabkan kesesakan bandar.

+Di negara lain, bas jalan terus dari Utara ke Selatan atau dari Timur ke Barat. Di Malaysia lain, semua tertumpu di Pudu Raya dan sesak di Pudu Raya.

+Kita harus atasi masalah ini, mungkin terpaksa susun semula laluan bas dan syarikat bas+, kata beliau.

Awal minggu ini, Perdana Menteri telah menilai masalah kesesakan lalulintas dengan menaiki helikopter Polis Di-Raja Malaysia.

Selain daripada sistem bas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem monorel juga akan diadakan di Kuala Lumpur, yang kerja-kerjanya dijangka mula dijalankan tiga bulan lagi. -- Lagi

▼10/01/13-25MST

CNS8829

R GB 10-01 00097 BH144

BAH

Mahathir - Bas 3 (akhir) Kuala Lumpur

Kerajaan juga sedang mengkaji perlaksanaan zon terhad bagi kawasan-kawasan tertentu di dalam bandaraya bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas itu, tambah beliau.

Perdana Menteri juga berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun mengadakan model bandaraya dan kawasan-kawasan sekitarnya atas arahan kerajaan.

Melalui model itu, perancangan pembangunan dan lalulintas Kuala Lumpur dapat dijalankan dengan lebih mudah dan tersusun, tambah beliau.

Mengenai kereta nasional kedua, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan membuat keputusan mengenai perkara itu dalam bulan ini. -- Bernama

▼10/01/13-28MST